

28/06/2002

PM sudah didik timbalan pikul tugas berat: Ghafar

KUALA LUMPUR, Khamis - Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba, menyokong keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menamakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti apabila Perdana Menteri meletakkan jawatan.

Ghafar berkata, beliau percaya Perdana Menteri sudah mendidik timbalannya untuk memikul tanggungjawab berat menerajui negara.

"Saya memberi sokongan sepenuhnya, mudah-mudahan beliau (Abdullah) dapat menyambung terus atau menambah lagi kemajuan negara pada masa akan datang," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, di sini, hari ini.

Ghafar berkata, Malaysia bertuah kerana peralihan kuasa selama ini berlaku secara teratur dan aman, tidak seperti di kebanyakan negara yang disertai dengan demonstrasi, pertumpahan darah dan peperangan.

Katanya, keadaan ini membolehkan pemimpin negara memberi tumpuan kepada perancangan dan pelaksanaan program pembangunan negara.

"Dengan demikian kita dapat membangunkan negara dengan baik kerana segala usaha pemimpin lalu disambung pemimpin baru. Sebab itu negara kita hari ini amat aman dan maju," katanya.

Ghafar berkata, apa yang penting pemimpin selepas Dr Mahathir mengikuti landasan yang sudah dibentangkan pemimpin terdahulu yang mengutamakan perpaduan kaum.

Katanya, ini kerana kemajuan Malaysia bergantung kepada kerja sama semua rakyat dan perpaduan semua kaum dan itulah cabaran yang perlu disahut negara.

"Jika semua rakyat Malaysia bersatu, siapa pun yang menjadi Perdana Menteri, kita boleh maju asalkan Perdana Menteri itu sanggup menerima teguran, sanggup menerima buah fikiran rakyat, rakyat sokong dia, Malaysia akan maju, sudah pasti.

"Jika Perdana Menteri selepas Dr Mahathir mengikut jalan yang sama kita selamat. Seperti yang saya katakan jika semua kaum bersatu, tidak akan ada masalah bagi Malaysia. Itulah satu-satunya masalah Malaysia, sama ada kita boleh bersatu atau tidak," katanya.

Mengenai keputusan Dr Mahathir untuk tetap berundur, Ghafar berkata, perkara itu adalah sesuatu yang mengejutkan kerana ia diputuskan ketika negara pesat membangun di bawah kepemimpinan beliau.

Katanya, beliau berharap Dr Mahathir dapat meneruskan tugasnya sehinggalah ekonomi negara pulih sepenuhnya daripada kelembapan.

Ditanya mengapa Dr Mahathir menanggung pengundurannya itu jika beliau sudah mendidik Abdullah, Ghafar berkata, itu adalah tolak ansur yang diminta Umno.

"Ini permintaan Umno. Umno memohon supaya dia jangan berhenti langsung. Maka dia kompromi, tak apalah...tetapi dia tak boleh lanjut bertahun-tahun...dia bagi tempoh masa supaya rakyat boleh terima." katanya.

Ditanya apakah ini bermakna Umno tidak yakin dengan Abdullah, Ghafar berkata: "Itu kena tanya Umno sendiri kerana saya hanya seorang daripada tiga juta ahli. Bagi saya, saya yakin tetapi orang lain saya tak tahulah."

(END)